

**PELAKSANAAN PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL  
(PEERS) OLEH PENDIDIK TERHADAP KANAK-KANAK TADIKA**

**Nik Nur Syazwani Ibrahim  
Aziyati Zahirah Asnil Aimi  
Ahmad Muaz Mohd Hairi  
Zaleha Damanhuri  
Universiti Melaka**

*Corresponding Author's Email: [niknursyazwani@unimel.edu.my](mailto:niknursyazwani@unimel.edu.my)*

***Article History:***

*Received : 13 October 2022*

*Accepted : 8 November 2022*

*Published : 31 December 2022*

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PEERS) oleh pendidik terhadap kanak-kanak tadika dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mana telah dijalankan di Melaka, melibatkan seramai enam orang responden yang terdiri daripada pendidik awal kanak-kanak. Berpandukan satu set protokol temubual, pengkaji telah membuat sesi temubual separa struktur bersama responden dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara tematik melalui transkrip data. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden telah bersedia melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PEERS di dalam kelas secara komprehensif. Hal ini memberikan kesimpulan bahawa responden mempunyai perspektif yang positif terhadap pelaksanaan PEERS. Implikasi kajian pula menunjukkan bahawa berlaku peningkatan kesediaan responden untuk mengajarkan PEERS kepada kanak-kanak tadika.

*Kata kunci: pendidik, Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS)*

***THE IMPLEMENTATION OF REPRODUCTIVE AND SOCIAL HEALTH  
EDUCATION BY EDUCATOR (PEERS) FOR PRESCHOOLERS***

***ABSTRACT***

*This study was conducted to examine the implementation of reproductive and social health education by educator (PEERS) for preschoolers during the teaching and learning process. This study was using a qualitative method which was conducted in Melaka, involving a total of six participants consisting of early childhood educators. Based on a set of interview protocols, the researcher conducted a semi-structured interview session with the participants and the information obtained was analyzed thematically through data transcripts. The results show that the respondents have comprehensively implemented PEERS teaching and learning in the classroom. This concluded that the participants have a positive perspective on the implementation of PEERS. The implications of the study show that there is an increase in the readiness of participants to teach PEERS to preschoolers.*

**Keywords:** *Educator, Reproductive and Social Health Education (PEERS)*

## **PENGENALAN**

Pendidikan seksualiti pada asasnya bertujuan untuk mengenali diri sendiri dari aspek seksual dan membolehkan seseorang itu memahami proses yang berlaku kepada dirinya. (Irsyad Hazim *et al.*, 2022). Program pendidikan seksualiti di Malaysia telah mula wujud sejak tahun 1989 secara merentas kurikulum dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah, namun masih perlu diperkukuhkan lagi kerana belum mendapat sambutan dan pendedahan yang sepatutnya (Shariza Said, 2017). Di peringkat prasekolah, pendidikan seksualiti atau lebih dikenali Pendidikan Kesihatan dan Reproktif Sosial (PEERS) mula diajar kepada kanak-kanak melalui Tunjang Perkembangan Fizikal dan Esetika sejak penggubalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pada tahun 2010. Salah satu objektif dalam KSPK adalah menyediakan peluang kepada kanak-kanak mempraktikkan amalan kesihatan, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan diri. Penjagaan keselamatan diri kepada kanak-kanak seharusnya diberikan pendedahan kepada mereka bagi menangani masalah berlakunya penganiayaan seksual dalam kalangan kanak-kanak (Zarina Eshak *et al.*, 2020). Menurut mantan Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pelaksanaan program PEERS ini perlu dimulakan dari peringkat awal persekolahan lagi kerana melalui program tersebut akan dapat membentuk kesedaran dan pendidikan yang penting tentang seksualiti dalam diri kanak-kanak bagi membanteras masalah gejala sosial terhadap kanak-kanak serta perkahwinan bawah umur” (Berita Harian, 2018).

Di negara barat, kemunculan pendidikan seksualiti adalah rentetan peningkatan kes masalah seksual yang melanda negara mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan di Jerman, Finland dan Netherlands menunjukkan bahawa pengenalan program pendidikan seksualiti di peringkat nasional dalam jangka masa yang panjang menunjukkan pengurangan kes berlakunya masalah seksual apabila mereka meningkat remaja (*World Health Organization [WHO]*, 2016). Antara usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan pendidikan seksualiti ialah dengan mengadakan program PEERS Sehari@Prasekolah. Ia bertujuan memberikan pendedahan tentang jenayah seksual kepada kanak-kanak. Program ini telah melibatkan lebih 200,000 murid prasekolah, Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) serta Jabatan Kemajuan Masyarakat melalui KEMAS di seluruh negara (Zarina Eshak & Azizah Zain, 2019). Usaha murni ini turut mendapat kerjasama daripada Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproktif Malaysia (FRHAM) yang merupakan salah satu badan bukan kerajaan yang telah mula bergiat aktif pada tahun 2007 sehingga kini dalam memastikan matlamat persatuan mereka terus tercapai iaitu meningkatkan kesihatan reprodktif dan seksual dalam sistem keluarga yang kuat dan berdaya saing.

Bagi memastikan pelaksanaan pendidikan seksualiti ini dapat diajar dengan berkesan dan efektif, peranan guru adalah sangat penting. Dalam hal ini, guru yang bertanggungjawab perlulah terlatih, berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menyampaikan isi kandungan pendidikan seksualiti. Guru juga perlu bersedia untuk berkomunikasi tentang isu seksuaiti dengan pelajar secara terbuka dan rasional supaya pelajar dapat memperoleh maklumat dan panduan yang betul (Siti Suhaila Ihwani *et al.*, 2016). Sebagai seorang guru pendidik awal kanak-kanak, mereka mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan dan melaksanakan pendidikan seksualiti kepada murid seperti yang telah terdapat dalam silibus PEERS. Oleh yang demikian, satu kajian telah dilakukan terhadap guru

pendidik awal kanak-kanak bagi mengkaji pelaksanaan PEERS semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Persediaan dan pengalaman awal kanak-kanak memerlukan kurikulum yang universal, terancang, mantap, dan relevan dengan perkembangan semasa serta dapat memenuhi keperluan individu dan negara kerana proses pembelajaran kanak-kanak yang berterusan (Rosmah Abd. Ghani & Mariani Md Nor, 2020). Melihat kepada kepentingan pendedahan pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak, maka silibus PEERS telah dimasukkan ke dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2010 dan semakan KSPK 2017. Semakan dan penambahbaikan KSPK 2017 memberikan fokus lebih mendalam agar kanak-kanak dapat mempraktikkan amalan kebersihan dan kesihatan diri, amalan keselamatan diri, cara pencegahan penyakit dan juga fungsi anggota tubuh badan manusia yang berbeza antara jantina lelaki dan perempuan.

Pelaksanaan PEERS atau juga dikenali sebagai Pendidikan seksualiti kini mula berkembang dan diterima dari segi pelaksanaannya. Penerapan kepada segenap lapisan umur merupakan suatu usaha dalam memberikan pendedahan serta maklumat yang tepat mengenai isu-isu berkaitan seksualiti. Kajian oleh Sidze *et al.* (2017) telah dijalankan bertujuan untuk menilai pelaksanaan Pendidikan seksualiti di sekolah awam dan juga swasta di Kenya. Kajian tersebut melihat dari aspek dasar dan undang-undang Pendidikan seksualiti, pihak yang terlibat dalam pembangunan kurikulum, struktur serta kandungan program Pendidikan seksualiti dan cabaran dalam proses pelaksanaan serta pembangunan program tersebut. Hasil kajian menunjukkan peritus pelaksanaan yang tinggi iaitu seramai 95% guru awam dan 93.3% guru swasta telah melaksanakan Pendidikan seksualiti berdasarkan kurikulum yang telah disediakan walaupun terdapat sebahagian guru yang tidak mendapat latihan berkaitan Pendidikan seksualiti.

Manakala kajian oleh Salmi *et al.* (2017) mendapati bahawa guru masih ragu-ragu dan kurang selesa untuk membincangkan topik yang berkaitan dengan reproduktif manusia serta seksualiti kerana tidak mendapat latihan formal daripada pihak berwajib. Hal ini menyebabkan guru mengalami masalah dalam menjawab persoalan serta menerangkan perkara berkaitan seksualiti dengan menggunakan Bahasa yang mudah untuk difahami. Keraguan tersebut juga menyebabkan guru enggan membincangkan topik-topik tertentu walaupun telah tersedia di dalam kandungan silibus Pendidikan seksualiti. Oleh itu, keperluan latihan adalah penting bagi seorang guru sebelum mereka melaksanakan PEERS terutamanya kepada kanak-kanak.

Kajian oleh Shariza Said (2017) telah menguji keberkesanan modul yang dihasilkan dengan memberikan latihan kepada responden dan menunjukkan tahap pengetahuan serta kemahiran guru mengalami perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas mereka terlibat dalam pelaksanaan modul latihan Pendidikan seksualiti. Hal ini turut disokong oleh Martin *et al.* (2020) dalam kajian yang telah dijalankan bagi mengenal pasti kesan pelaksanaan program pendidikan seks di prasekolah terhadap pengetahuan dan sikap guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan bagi aspek pengetahuan dan sikap terhadap kumpulan eksperimen yang telah mengikuti intervensi pendidikan dalam program tersebut.

Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi serta kemahiran untuk mengajar bagi memastikan pengajaran itu berkesan kepada kanak-kanak (Unluer, 2018). Hasil kajiannya dalam mengenalpasti tentang pengetahuan dan sumber maklumat guru mengenai pendidikan seksualiti mendapati bahawa pengetahuan guru mengenai konsep dan

kandungan tentang pendidikan seksualiti haruslah dinilai atau dibuat penambahbaikan kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sangat bergantung kepada peranan guru tersebut. Jika pendidikan seksualiti ini tidak diajar dengan cara betul di sekolah, ia mungkin akan membawa kepada kemudaratan yang lebih besar kepada masyarakat.

Usaha pelaksanaan PEERS turut menghadapi cabaran antaranya seperti dalam kajian Salmi *et. al* (2017) yang mendapati ibu bapa enggan untuk mengajarkan tentang seksualiti kepada anak-anak mereka kerana menganggap tiada pengetahuan dan masih belum terbuka untuk membincangkan tentang hal tersebut bersama anak mereka. Namun terdapat juga kajian yang menunjukkan hasil sebaliknya seperti dalam kajian Sofia Elias *et al.* (2019) di Pasir Puteh, Kelantan terhadap 11 orang ibu mendapati persepsi mereka adalah sangat positif kerana pendidikan seks itu sendiri sebenarnya telah berpandukan hadis dan Al-Quran. Mereka bersetuju agar pendidikan seksualiti ini diterapkan mengikut konteks Islam sebagai salah satu langkah mencegah masalah dan gejala seksual kelak.

Dari sudut penggunaan istilah pula, hasil pemerhatian semasa sesi pengajaran oleh tiga orang guru yang terlibat dalam kajian Shariza Said (2017) menunjukkan bahawa responden tidak risau dan yakin mengajar kepada pelajar bermasalah pembelajaran tentang anggota sulit badan mereka dengan menggunakan istilah yang betul. Jika ada dalam kalangan pelajar menggunakan istilah yang salah, responden tidak ragu-ragu untuk membetulkan kesilapan tersebut. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Eka Oktavianingsih & Yulia Ayriza (2018) terhadap 40 orang guru tadika di Yogyakarta, Indonesia untuk mengetahui pengetahuan dan kepercayaan guru dalam pengajaran pendidik seksualiti. Hasil kajian mendapati tidak ramai guru yang menjawab bahawa anak-anak diajar tentang nama bahagian sulit mereka menggunakan nama sebenarnya (zakar dan vagina) sebaliknya lebih menggunakan "perbendaharaan kata yang salah" (dompet dan burung). Untuk mengurangkan persepsi dan pemikiran yang salah dari kanak-kanak, guru perlu memberikan pemahaman mengenai fungsi setiap bahagian badan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi memastikan isu pendidikan seksualiti ini boleh diterima secara positif dalam kalangan masyarakat amnya, maka pelaksanaan PEERS adalah menjadi keperluan yang perlu dimulakan dari awal usia kanak-kanak lagi. Sokongan daripada guru-guru amatlah bermakna untuk memastikan usaha mendidik kanak-kanak tentang seksualiti ini berjaya diterapkan. Justeru itu, kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji pelaksanaan PEERS oleh pendidik terhadap kanak-kanak tadika dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif kerana pengkaji dapat mengetahui maklumat yang lebih mendalam tentang perspektif ataupun pandangan daripada para pendidik tentang pelaksanaan PEERS kepada kanak-kanak. Pemilihan kaedah ini juga adalah kerana kajian kualitatif lebih menggunakan kaedah penyiasatan yang tidak mungkin dapat dijawab melalui kaedah kuantitatif (Lee, Zakri Abdullah & Chua, 2018).

Pengkaji telah memilih Melaka sebagai lokasi kajian kerana menurut Burhanuddin selaku Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Melaka antara negeri yang mencatatkan kes penderaan seksual yang tertinggi bagi kanak-kanak perempuan di mana

telah merekodkan sebanyak 53 kes pada 2017 dan menurun kepada 44 kes pada tahun 2018. Hal ini telah menyebabkan Melaka mencatatkan tangga ke-11 berdasarkan statistik rekod penderaan kanak-kanak berbanding negeri lain di Malaysia (Melaka Kini, 2018). Sampel kajian pula terdiri daripada enam orang pendidik awal kanak-kanak di tadika Melaka yang mana telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bagi kajian ini, latar belakang responden dan tema-tema yang diperolehi daripada persoalan kajian dijelaskan secara terperinci sebagai dapatan kajian.

### **1.1 Latar Belakang Responden**

Bagi menghuraikan dapatan kajian, nama-nama sebenar responden kajian tidak digunakan sebaliknya pengkaji telah menggunakan kod-kod tertentu seperti responden kajian pertama (R1), responden kajian kedua (R2), responden kajian ketiga (R3), responden kajian keempat (R4), responden kajian kelima (R5) dan responden kajian keenam (R6) bagi memudahkan pengkaji membuat rujukan semula.

Berikut adalah Profil Responden yang telah dipersembahkan dalam jadual:

<b>Profil Responden</b>	<b>Kategori Perkhidmatan</b>	<b>Umur</b>	<b>Bangsa</b>	<b>Kelayakan Akademik</b>	<b>Pengalaman Mengajar</b>
<b>R1</b>	Swasta	23	Melayu	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	2
<b>R2</b>	Swasta	23	Melayu	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	2
<b>R3</b>	Swasta	23	Melayu	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	1
<b>R4</b>	Kerajaan	21	Melayu	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	1
<b>R5</b>	Kerajaan	40	Melayu	Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak	21
<b>R6</b>	Kerajaan	57	Melayu	SPM	35

Jadual 1.1: Profil Responden Kajian

## **1.2 Pelaksanaan PEERS oleh pendidik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.**

Pelaksanaan PEERS kepada kanak-kanak telah diwajibkan setelah silibus tersebut dimasukkan di dalam KSPK 2017 (Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika) bertujuan memberikan pendedahan kepada kanak-kanak berkaitan aspek kesihatan diri, keselamatan diri, cara pencengahan penyakit dan juga fungsi anggota tubuh badan manusia yang berbeza di antara lelaki dan perempuan. Oleh itu, terdapat empat tema yang telah dikenalpasti menerusi temubual yang telah dijalankan terhadap responden bagi menjawab objektif yang pertama iaitu mengkaji pelaksanaan PEERS oleh pendidik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Senarai tema dan subtema adalah seperti dalam Jadual 2:

Objektif	Tema	Kod	Subtema	Kod
Mengkaji pelaksanaan PEERS oleh pendidik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran	Latihan Modul PEERS	P1	Tiada latihan	ST1
			Ada latihan	ST2
			Swasta	ST3
			Awam	ST4
			Guru novis	ST5
			Kesediaan latihan	ST6
	Penerapan silibus PEERS	P2	Ada secara tidak formal	ST1
			Ada	ST2
	Kekerapan penerapan silibus PEERS	P3	Tidak tentu	ST1
			Dua kali seminggu	ST2
			Sekali seminggu	ST3
	Sumber bahan pengajaran PEERS	P4	Pengajaran bertema	ST1
			Modul KEMAS	ST2

Jadual 1.2: Tema dan Subtema Objektif

### **1.2.1 Latihan Modul PEERS**

Temubual dibuat bagi mengetahui sama ada responden pernah terlibat dengan mana-mana latihan yang disediakan sebelum mereka melaksanakan PEERS ini kepada kanak-kanak. Latihan adalah satu proses untuk memberi ransangan kepada mana-mana individu yang bekerja dalam sesebuah organisasi yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ilmu pekerja apabila ingin menjalankan sesuatu tugas yang diberikan oleh majikan. Kesemua responden kajian memberikan pandangan dan pendapat mereka yang berbeza

berkaitan latihan mengikut tempat mengajar mereka. Bagi R1, R2 dan R4, mereka menyatakan bahawa mereka sendiri tidak pernah mengikuti mana-mana latihan berkaitan modul PEERS.

*“Buat masa ni, saya sendiri belum lagi ... ikut latihan PEERS ni”*  
(S1R1TB1P1ST1)

*“Kalau kat tadika saya memang tak ada macam ni (latihan)” ...*  
(S1R2TB2P1ST1)

*“Setakat ni, pihak pengurusan belum pernah menghantar saya mengikut latihan modul PEERS”...*  
(S1R4TB4P1ST1)

R2 juga ada menambah kemungkinan mereka tidak mendapat latihan adalah disebabkan oleh mereka bekerja dalam sektor swasta. Begitu juga bagi R4 yang berpendapat kerana beliau masih baru di tempat bekerja tersebut.

*... “sebab swasta kot dan saya tidak pernah mengikuti mana-mana latihan berkaitan PEERS”*  
(S1R2TB2P1ST3)

*... “mungkin sebab saya masih baru”...*  
(S1R4TB4P1ST5)

Namun R4 ada menyatakan bahawa beliau bersedia sekiranya pihak pengurusan memberikan peluang kepadanya untuk terlibat dalam latihan modul PEERS supaya beliau boleh menambahkan ilmu pengajaran tentang PEERS kepada kanak-kanak.

*... “mestilah saya bersetuju untuk pergi sebab saya dapat tambah ilmu”...*  
(S1R4TB4P1ST6)

Berbeza pula bagi R3, R5 dan R6 yang bekerja di sektor awam, mereka memang telah mendapat latihan berkenaan PEERS sebelum pelaksanaan PEERS tersebut diterapkan kepada kanak-kanak. R3 telah menyatakan bahawa beliau telah mendapat latihan berkaitan Modul PEERS semasa mengikuti kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak (SPAK) sebelum diserap bekerja dengan pihak KEMAS. Bagi R5 dan R6, pihak KEMAS telah mengadakan Bengkel Modul PEERS kepada semua tenaga pengajar yang telah berkhidmat di KEMAS semasa PEERS mula diperkenalkan sekitar tahun 2017 yang lepas. Tujuan latihan ataupun bengkel tersebut diadakan adalah bagi memastikan para pendidik akan menggunakan Modul PEERS yang telah digubal sendiri oleh pihak KEMAS dengan sebaiknya.

*... “saya dalam KEMAS memang ada modul ni, dapat latihan semasa dalam kursus awal”...*  
(S1R3TB3P1ST2)

*... “sebelum diserap bekerja di KEMAS”*  
(S1R3TB3P1ST4)

*“Ya ada,..kita jabatan KEMAS Parlimen Masjid Tanah kita ada buat bengkel berkenaan modul PEERS kepada jurulatih yang telah berkursus*

*(S1R5TB5P1ST4)*

*... “(Guru KEMAS) memang akan berbengkel dengan kita”...*

*(S1R5TB5P1ST2)*

*“Ada ikuti kursus masa mula-mula PEERS diperkenalkan, jadi saya join kursus tu dengan kawan-kawan yang lain”... “tengok dan guna Modul PEERS yang disediakan oleh kerajaan”*

*(S1R6TB6P1ST2)*

### **1.2.2 Penerapan silibus PEERS**

Tema kedua adalah penerapan silibus PEERS yang mana pengkaji boleh mengetahui sama ada silibus tersebut diajarkan atau pun tidak di dalam kelas. Hasil temubual mendapati penerapan silibus PEERS ini juga berbeza antara sektor awam dan sektor swasta kerana ketiga-tiga responden iaitu R1, R2 dan R4 yang bekerja dalam sektor swasta menyatakan bahawa tidak ada silibus kursus berkenaan PEERS diajarkan di dalam kelas mereka, namun mereka ada menerapkan aktiviti berkaitan PEERS secara tidak formal sama ada ketika rutin harian ataupun digabungkan semasa proses PdP berjalan.

*“kami ada menerapkan aktiviti sebegini laa kepada kanak-kanak tetapi diajarkan secara tidak formal mengikut modul PERMATA, maksudnya masa kita ajar kanak-kanak tu pasal anggota badan, haa nanti kita selit la sekali”...*

*(S2R1TB1P2ST1)*

*... “kadang-kadang masa rutin harian tu bila kita nak bawa budak-budak mandi ke, solat ke nanti kita cerita la sikit-sikit pasal aurat diorang, kenapa boys (lelaki) tak boleh mandi sama-sama girls (perempuan)”...*

*(S2R2TB2P2ST1)*

*... “Memang ada diajarkan untuk PEERS dalam kurikulum oleh pihak pengurusan tadika tapi hanya sekadar yang biasa dalam topik pengenalan anggota badan...ada juga ambil sikit-sikit daripada KSPK”*

*(S2R4TB4P2ST1)*

Berbeza pula dengan maklumat oleh R2, R5 dan R6 yang merupakan pendidik dalam sektor awam yang mana silibus PEERS memang diterapkan dan diajarkan di dalam kelas mengikut jadual mingguan yang telah ditetapkan.

*“Memang ada modul ni dan dalam aktiviti KEMAS memang ada la diterapkan aktiviti ni”*

*(S2R3TB3P2ST2)*

*“Memang ada diajarkan di dalam kelas berpandukan KSPK”*

*(S2R5TB5P2ST2)*



*“Ya, memang kami ajarkan PEERS kepada kanak-kanak sebab memang dah ada dalam silibuskan”*

(S2R6TB6P2ST2)

### 1.2.3 Kekekapan penerapan silibus PEERS

Jika dilihat dari aspek kekekapan pula, respons dari R1, R2 dan R4 mengenai kekekapan penerapan PEERS menunjukkan mereka akan menerapkan elemen PEERS bergantung kepada situasi yang berlaku sepanjang kanak-kanak berada di sekolah iaitu kadang-kadang ada sekali atau dua dalam seminggu dan kadang-kadang tidak tentu ketika rutin kanak-kanak dijalankan berbanding dengan kenyataan daripada R3, R5 dan R6 yang mana mereka memang telah menetapkan sekali dalam seminggu bagi sesi pengajaran PEERS di dalam jadual mingguan mereka.

*...“Kalau seminggu tu mungkin..dalam sekali dua”..*

(S3R1TB1P3ST2)

*...“tetapi kita..kami bergantung juga la sebab kadang-kadang kami ni tak formal dalam rutin harian”..*

(S3R1TB1P3ST1)

*..”Memang tak ada ditetapkan, bergantung kepada keadaan,tak tentu”..*

(S3R2TB2P3ST1)

*“Kadang dalam sekali dua seminggu tapi informal, macam saya kan tadika swasta  
“...*

(S3R4TB4P3ST2)

*..“kadang tiap kali petang masa budak-budak mandi kita akan ajar juga sebab diorang nampak masa tu,kita akan ajar la tentang aurat atau pergaulan berlainan jantina”*

(S3R4TB4P3ST1)

*..“sekali seminggu sebab kitorang setiap hari memang akan ada aktiviti fizikal,setiap hari..so (jadi) setiap seminggu tu akan kitorang amik satu waktu fizikal untuk terangkan tentang modul ni”*

(S3R3TB3P3ST3)

*“Biasanya memang kita akan ajar sekali dalam seminggu mengikut tema dan pembelajaran dalam KSPK, so (kita) kita rujuk kat situ je standard kandungan tu”*

(S3R5TB5P3ST3)

*“Biasanya hari jumaat la, sekali seminggu”*

(S3R6TB6P3ST3)

#### **1.2.4 Sumber bahan pengajaran**

Dapatan bagi sumber bahan pengajaran oleh R1, R2 dan R4 menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai mana-mana sumber utama dalam penerapan PEERS ini kerana kebiasaannya sesi pengajaran mereka adalah berasaskan pengajaran bertema. Manakala respons daripada R3, R5 dan R6 menyatakan sumber bahan pengajaran mereka adalah Modul PEERS yang telah disediakan daripada pihak KEMAS yang mana dalam modul tersebut telah dilengkapkan segala semua aktiviti, serta bahan bantu mengajar yang diperlukan semasa dalam proses penerapan PEERS di dalam kelas.

*..“dalam aktiviti kami ada...macam aktiviti fizikal biasa la kami akan buat abm semua tu berkenaan kesihatan diri saya..macam tu berdasarkan modul permata”..*  
(S4R1TB1P4ST1)

*...“tak ada, just (hanya) guna kurikulum pengajaran ikut tema yang pihak tadika sediakan”...*  
(S4R2TB2P4ST1)

*...“Memang ada tema setiap minggu dalam kurikulum tadika, jadi memang PEERS tu diajar ikut tema tu la..ada bahan daripada tadika untuk buat aktiviti dengan kanak-kanak”...*  
(S4R4TB4P4ST1)

*..“memang ada modul dia, ada buku dia.. cara pengajaran, ada gambar so (jadi) kitaorang meng guna gambar dan flashcard yang ada la..modul tu memang disediakan daripada pihak KEMAS”..*  
(S4R3TB3P4ST2)

*...“Modul dan bahan yang disediakan oleh pihak KEMAS dan aktiviti yang dijalankan adalah berpandukan KSPK”..*  
(S4R5TB5P4ST2)

*...“Kita gunakan bahan yang telah disediakan dalam Modul KEMAS tu”...*  
(S4R6TB6P4ST2)

Secara keseluruhannya didapati bahawa para pendidik yang berkerja dalam sektor awam telah mendapat latihan berkenaan PEERS manakala para pendidik yang bekerja dalam sektor swasta masih belum mendapat mana-mana latihan PEERS. Bagi penerapan silibus PEERS pula menunjukkan hanya pendidik awam sahaja yang menerapkan silibus PEERS secara formal di dalam kelas dengan teratur dan konsisten kerana sesi pengajaran tersebut memang dimasukkan sekali seminggu dalam Jadual Pengajaran mereka. Manakala pendidik swasta pula ada melaksanakan penerapan PEERS tetapi secara tidak formal kerana pengajaran yang berlaku adalah tidak konsisten dalam seminggu. Dari segi sumber pengajaran, bagi pendidik awam mereka ada menggunakan Modul PEERS yang telah disediakan oleh pihak KEMAS namun tiada sumber utama yang digunakan oleh pendidik swasta sebaliknya hanya berpandukan kepada sesi pengajaran bertema mengikut kurikulum mereka sendiri. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa silibus PEERS telah dilaksanakan secara komprehensif oleh guru dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran mereka bersama kanak-kanak sama ada kanak-kanak tersebut berada dalam sektor awam mahupun swasta.

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN**

Bagi memastikan isu pendidikan seksualiti ini boleh diterima secara positif dalam kalangan masyarakat amnya, maka satu program pendidikan seksualiti adalah menjadi keperluan yang perlu dilaksanakan bermula dari awal usia kanak-kanak lagi. Objektif kajian untuk mengkaji pelaksanaan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PEERS) oleh pendidik terhadap kanak-kanak tadika dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan hasil dapatan bahawa PEERS telah dilaksanakan oleh pendidik dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran mereka bersama kanak-kanak tadikal. Pelaksanaan PEERS ini dinilai menerusi latihan modul PEERS, penerapan silibus PEERS, kekerapan penerapan PEERS dan juga sumber bahan pengajaran yang digunakan oleh pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran PEERS.

Dapatan kajian ini disokong oleh hasil kajian yang telah dijalankan oleh Sidze et al. (2017) yang menunjukkan peratusan pematuhan pelaksanaan yang tinggi iaitu seramai 95% guru awam dan 93.3% guru swasta telah melaksanakan pendidikan seksualiti mengikut kurikulum yang telah disediakan walaupun tidak semua guru yang terlibat telah diberikan latihan berkaitan pendidikan seksualiti.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendidik swasta yang tidak mendapat latihan ini hanya menerapkan PEERS kepada kanak-kanak secara tidak formal sahaja. Sama seperti kajian yang telah dijalankan oleh Salmi et.al (2017) yang mendapati bahawa guru masih ragu-ragu dan kurang selesa untuk membincangkan topik yang berkaitan reproduktif manusia dan seksualiti kerana tidak mendapat latihan formal daripada pihak berwajib. Oleh itu, perlunya seorang guru untuk mendapat latihan sebelum mereka melaksanakan PEERS kepada kanak-kanak terutamanya kerana latihan merupakan aspek yang penting dalam mempengaruhi bagaimana PEERS telah dilaksanakan di dalam kelas. Hal ini kerana latihan yang diterima dapat meningkatkan keyakinan pendidik untuk membincangkan topik-topik yang telah disediakan dalam silibus pendidikan seksualiti (Mastura Karimudin, Saripah Rabea'ah Syed Ali & Anis Salwa Ahmed, 2017)

Kepentingan latihan ini telah dibuktikan dalam dapatan kajian daripada Shariza Said (2017) yang telah menguji keberkesanan modul yang dihasilkan dengan memberikan latihan kepada responden menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru mengalami perbezaan yang signifikan antara sebelum dan selepas mereka terlibat dalam pelaksanaan modul latihan pendidikan seksualiti. Hal ini turut disokong oleh Martin et al. (2020) dalam kajiannya yang menunjukkan skor min dapatan kajian bahawa terdapat peningkatan yang signifikan bagi aspek pengetahuan dan sikap terhadap kumpulan eksperimen yang telah mengikuti intervensi pendidikan dalam program tersebut. Jelas di sini menunjukkan latihan boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pendidik tentang pendidikan seksualiti.

Keseluruhan hasil dapatan kajian ini menunjukkan pendidik telah bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PEERS di dalam kelas secara komprehensif. Ini membuktikan bahawa pendidik memberikan komitmen yang baik dalam proses menerapkan PEERS sama ada pendidik awam mahupun swasta. Implikasi kajian ini adalah berlakunya peningkatan tahap kesediaan pendidik dalam memastikan proses pelaksanaan PEERS ini berjalan dengan lancar dan memberikan manfaat kepada kanak-kanak.

Seterusnya para pendidik swasta perlu diberikan latihan, bengkel ataupun kursus berkaitan pendidikan seksualiti bagi memastikan mereka boleh menambahkan keyakinan dan tidak ragu-ragu untuk menerapkan PEERS kepada kanak-kanak. Dengan itu, mereka boleh mengajarkan PEERS tersebut secara formal di dalam kelas kerana melalui latihan yang diberikan itu membolehkan pendidik mendapat pengetahuan dan kemahiran yang sesuai untuk menghadapi sebarang masalah yang berlaku di dalam kelas. Apabila para pendidi

mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, maka mereka akan lebih berkeyakinan dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kesediaan mereka untuk melaksanakan PEERS.

Dari aspek sumber bahan pengajaran pula adalah perlu dipelbagaikan lagi selain daripada membuat penambahbaikan terhadap modul sedia ada atau bahan yang telah disediakan. Hasil tinjauan analisis keperluan modul oleh kajian Ali & Mahamod (2017) juga menambah, dalam pengajaran modul perlu diperincikan dengan contoh rancangan harian, cadangan aktiviti permainan dan penjelasan tentang jenis permainan. Pihak pengurusan perlu menyediakan sumber bahan pengajaran yang pelbagai kepada pendidik bagi memastikan mereka mendapat panduan yang tepat dan juga dapat juga menarik minat kanak-kanak untuk merasa lebih seronok apabila proses Pdp PEERS diajarkan di dalam kelas.

Hasil temubual juga mendapati bahawa isi kandungan bagi silibus PEERS perlu dibuat penambahbaikan dengan memasukkan kandungan yang penting dari sudut pandangan Islam seperti batas aurat dan pergaulan. Hal ini kerana standard kandungan dan standard pembelajaran bagi silibus PEERS yang terdapat dalam KSPK sedia ada didapati tidak meliputi aspek pembelajaran dari sudut pandangan Islam. Sekiranya kanak-kanak tidak didedahkan dengan perkara tersebut, maka mereka kurang nampak kepentingan untuk mempraktikkan pengajaran yang telah diterapkan tersebut. Gansen (2017) mencadangkan agar perkongsian antara profesional yang bekerja dalam bidang seksual harus diterokai bagi membangunkan kurikulum pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak prasekolah.

Oleh itu, cadangan bagi kajian lanjutan adalah boleh dibuat kajian menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dengan adanya kaedah kuantitatif tersebut, skop sampel kajian akan meluas lagi dan boleh digeneralisasikan untuk satu Malaysia. Dengan itu, maklumat dapatan kajian yang diperolehi akan lebih mendalam dan terperinci sekaligus dapat membantu pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan PEERS ini akan lebih berkualiti dan memberikan manfaat kepada semua pihak.

## **RUMUSAN**

Kesimpulan bagi kajian telah dibincangkan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil temubual, empat tema telah dibincangkan iaitu latihan Modul, penerapan, kekerapan penerapan dan sumber bahan pengajaran PEERS. Hasil kajian didapati bahawa responden telah melaksanakan penerapan silibus PEERS dengan baik kepada kanak-kanak tadika walaupun tidak semua responden telah mendapat latihan atau bengkel berkaitan PEERS. responden telah menggunakan modul yang telah disediakan oleh pihak pengurusan dan juga pengajaran bertema dalam proses Pdp PEERS.

Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan pendidikan seksualiti di Malaysia ini boleh dijalankan secara lebih sistematik dan komprehensif, seharusnya memerlukan pakar untuk menangani salah tanggapan mengenai kesan pendidikan seksualiti, ketidakseragaman terhadap kurikulum atau modul yang digunakan, kekurangan ketersediaan guru atau pelatih yang terlatih dan juga kekurangan penglibatan keluarga dan ibu bapa serta sekolah.

## **BIBLIOGRAFI**

- Ali, A. & Mahamod, Z. (2017). Development of Play-Based Instruction Module for Teaching Preschooler's Language Skills. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9, 110-118.
- Berita Harian. (2018). Kerajaan Perkasa Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial. Diperolehi daripada <https://bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/501049/kerajaan-perkasa-program-pendidikan-kesihatan-reproduktif-dan-sosial>.
- Eka Oktavianingsih & Yulia Ayriza. (2018). Teachers' Knowledge and Belief for Educating Sexuality to Kindergarten Students. *International Journal of Pedagogy and Teacher Education (IJPTE)*, 2(2), 307-318.
- Federation of Reproductive Health Associations, Malaysia (FRHAM) (2016). *FRHAM National Strategic Framework 2016-2022*. Diperolehi daripada <http://www.frham.org.my/index.php?publication>.
- Gansen, H. M. (2017). Reproducing (and Disrupting) Heteronormativity: Gendered Sexual Socialization in Preschool Classrooms. *Sociology of Education*, 90(3), 255–272. <https://doi.org/10.1177/0038040717720981>
- Irsyad Hazim, Nur Sarah, Nur Nadhrah, Muhammad Nizam, Faieza Samat & Tengku Elmi. (2022). *Perspektif Ibu Bapa terhadap Pendidikan Awal Seksual Kepada Kanak-Kanak*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, Vol.7, Bil.7.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dawama Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Garis Panduan Pengurusan Prasekolah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- Lee, K. C., Zakri Abdullah & Chua L N. (2018). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn, Bhd.
- Martin, J., Riazi, H., Firoozi, A. & Nasiri, M. (2020). A Sex Education Program for Teachers of Preschool Children: A Quasi-Experimental Study in Iran. *BMC Public Health*, 20:692. <https://doi.org/10.1186/s12889-020-08826-y>
- Mastura Karimuddin, Saripah Rabea'ah Syed Ali & Anis Salwa Ahmed @Adenan. (2017). Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh: Tahap Kesiapan Pengajaran Pendidikan Seksualiti Guru Pelatih Pendidikan Awal Kanak-kanak Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 12, 128–139
- Melaka Kini. (2018). Kes Dera Kanak-kanak Melaka Catat Tangga ke 11. Diperolehi daripada <https://melakakini.my/kes-dera-kanak-kanak-melaka-catat-tangga-ke-11>.
- Rosmah Abd. Ghani, & Mariani Md Nor. (2020). Faktor Yang Mempengaruhi Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kspk) Di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 35-49.
- Salmi Razali, Nur Alia Farhana Ramli, Siti Syairah Hanafia, Nurul Nadiah Abd Rahman, Kartini Noor Md, Muhammad Akmal Mat Rani et. al. (2017). Are Malaysians Ready for Comprehensive Sexuality Education? *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*: 9(1), 14-28.

- Sexuality Education and Information Council of the United States, SIECUS (2004). *Guidelines for Comprehensive Sexuality Education: Kindergarten-12th Grade* 3<sup>rd</sup> ed. Dipetik dari <http://sexedu.org.tw/guideline.pdf>
- Shariza, Said. (2017). *Pembangunan Modul Latihan Pendidikan Seksualiti Untuk Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Peringkat Sekolah Rendah*. (Disertasi, University of Malaya).
- Sidze E. M., et al. (2017). *From Paper to Practice: Sexuality Education Policies and Their Implementation in Kenya*. New York: Guttmacher Institute.
- Siti Suhaila Ihwani, Adibah Muhtar, Norhafizah Musa, Zetty Nurzuliana Rashed, Ab Halim Tamuri & Mohd Isa Hamzah. (2016). Attitudes of Islamic Education Teachers towards Sex Education. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(1),124-133.
- Unluer, E. (2018). Examination of Preschool Teachers' Views on Sexuality Education. *Universal Journal of Educational Research* 6(12):2815-2821.
- World Health Organization (WHO). (2016). *Standards for Sexuality Education in Europe: A Framework for Policy Makers, Educational and Health Authorities and Specialists*. Cologne: BZgA [Federal Centre for Health Education (BZgA)].
- Zarina Eshak & Azizah Zain. (2019). The Readiness of Preschool Teachers in Terms of the Implementation of the Peers Day@ Preschool Program. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(7),981–987.
- Zarina Eshak, Azizah Zain & Mazlina Che Mustafa. (2020). Analisis Masalah Dan Jenis Kemahiran Pendidikan Seksualiti Kanak-Kanak Prasekolah Dari Sudut Pandangan Guru Dan Ibubapa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35), 152-166.